

25/07/2001

Swasta perlu amal konsep makmur jiran

SEKTOR swasta di Kawasan Pertumbuhan Asean Timur-Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina (BIMP-EAGA) perlu mengamalkan konsep 'memakmurkan jiran' bagi menjadikan rantau ini sebuah entiti ekonomi yang kuat.

Menteri Pelancongan Sarawak, Datuk Abang Johari Abang Openg, berkata konsep yang disarankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, itu akan mewujudkan suasana sama-sama menang kepada setiap negara anggota.

Katanya, ini disebabkan Bimp-Eaga mempunyai sumber semula jadi yang begitu banyak tetapi belum dimanfaatkan secara optimum.

"Jika sektor swasta di kawasan BIMP-EAGA bekerjasama mencari kaedah terbaik memanfaatkan sumber yang ada, saya pasti ia mampu menjadi "rantau pilihan di Asean", " katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis makan malam meraikan peserta mesyuarat pertama Majlis Perniagaan Bersama BIMP-EAGA (BEJBC) di Kuching, malam semalam.

Bimp-Eaga, yang penubuhannya dicadangkan oleh bekas Presiden Filipina, Fidel Ramos, pada Oktober 1992, ditubuhkan pada Mac 1994 dan meliputi kawasan seluas 690,000 kilometer persegi.

Ia merangkumi Brunei; Kalimantan, Sulawesi, Papua Barat di Indonesia; Labuan, Sabah dan Sarawak di Malaysia; serta Mindanao dan Palawan di Filipina.

Ia juga mengandungi kependudukan berjumlah lebih 40 juta, termasuk tenaga kerja seramai kira-kira 12 juta. Jumlah penduduk di rantau ini dijangka akan meningkat ke paras 50 juta menjelang tahun 2010.

(END)